

## BANTUAN PERSIAPAN PERSEKOLAHAN ANAK-ANAK ASNAF FAKIR, MISKIN DAN MUALAF

10/5/23

### Tahukah ANDA?

Pada tahun 2006 LZS telah menubuhkan Bait Al-Hasanah (asrama anak-anak asnaf) bagi membantu anak asnaf dari kumpulan generasi kedua berjaya dalam pelajaran dan seterusnya membentuk ke arah masa depan yang lebih baik.

Lembaga Zakat Selangor memperuntukan sebanyak **RM32.6 juta** bagi membiayai persiapan persekolahan **67,798** orang anak-anak asnaf fakir, miskin dan mualaf bagi sesi **persekolahan 2023**.

Pemberian bantuan persekolahan ini diagihkan pada setiap tahun bagi meringankan beban asnaf terutamanya dalam menyediakan kelengkapan persekolahan dan menampung kos yuran untuk anak-anak mereka. Bantuan diberi meliputi semua peringkat umur pelajar iaitu pra sekolah, sekolah rendah kebangsaan/sekolah rendah agama, sekolah menengah kebangsaan dan sekolah menengah agama. Setiap keluarga akan menerima bantuan mengikut jumlah tanggungan maksimum sehingga **RM2,000** bagi satu keluarga.

#### Bilangan Penerima



Jumlah Ketua Keluarga	33,376
Jumlah Anak Asnaf Fakir, Miskin Dan Mualaf	67,798

#### Kadar Bantuan Keperluan Peralatan Sekolah



Pra Sekolah	RM100
Sekolah Rendah	RM170
Sekolah Rendah Agama	RM150
Sekolah Menengah Kebangsaan	RM200
Sekolah Menengah Agama	RM200



#### Jumlah Pelajar Mengikut Tahap Persekolahan



Pra Sekolah	899
Sekolah Rendah/ Sekolah Rendah Agama	37,679
Sekolah Menengah Kebangsaan	36,587
Sekolah Menengah Agama	307



#### Kaedah Penyaluran Bantuan



Akaun Bank
V-Cash
Tunai (bagi kes-kes tertentu)



Bantuan Lain :-

1. Bantuan Yuran : **RM100 - RM200** Bergantung kepada tanggungan Ketua Keluarga.
2. Bantuan Tambahan : **RM100** bergantung kepada tanggungan Ketua Keluarga.



TAKSIR  
**ZAKAT EMAS & PERAK**  
ANDA SEKARANG

Menggunakan aplikasi **ZakatSelangor**

Available on the  
**App Store**

GET IT ON  
**Google Play**